

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN NO.3**

**YB. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perkembangan pulangan dan pemasaran yang diusahakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan selari dengan kewujudan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang dilancarkan awal tahun 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menggandakan kadar pertumbuhan eDagang di Malaysia daripada 10.8% pada tahun 2016 kepada 20.8% menjelang 2020. Dengan gandaan kadar pertumbuhan ini, ianya akan menyumbang lebih daripada RM211 bilion nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara berbanding sasaran

8

awal yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) sebanyak RM114 bilion.

Pelan Hala Tuju ini dipantau pelaksanaannya oleh Majlis eDagang Kebangsaan (NeCC) yang berperanan untuk mengukuh dan meningkatkan tahap daya saing ekosistem eDagang melalui kerjasama erat antara Kerajaan dengan pihak industri termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan di sepanjang rantai nilai eDagang. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) selaku pendokong utama agenda eDagang di bawah NeCC komited dalam memastikan pembangunan PKS tempatan adalah selaras dengan perkembangan agenda eDagang kebangsaan.

Salah satu komponen utama di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan ialah inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri dan Jack Ma, selaku Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Alibaba Group pada 22 Mac 2017. Pelaksanaan Projek Perintis DFTZ ini dijangka dilancarkan pada awal bulan November 2017. DFTZ antara lain akan menawarkan:

- (i) fasiliti gudang *eFulfilment* yang lebih efisien;
- (ii) penyediaan platform perkhidmatan Kerajaan secara berintegrasi dan seragam; dan
- (iii) penambahbaikan ke atas sistem pelepasan Kastam dan kargo.

Pelaksanaan DFTZ ini kelak akan menyediakan platform terbaik bagi PKS tempatan untuk menembusi pasaran eksport melalui aktiviti eDagang rentas sempadan. Bagi tujuan tersebut, usaha giat kini sedang dijalankan oleh MITI dan agensi-agensi di bawahnya seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan SME Corp. Malaysia berserta Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk mengenalpasti sekurang-kurangnya 1,900 PKS tempatan dari seluruh negara yang mempunyai keupayaan untuk turut serta dalam fasa pertama DFTZ pada tahun ini.

Pelaksanaan DFTZ juga akan mendatangkan manfaat kepada PKS tempatan yang berorientasikan pasaran eksport dalam menangani sebarang isu berkaitan peraturan, proses dan halangan menjalankan transaksi perniagaan secara talian (*online*).